

NO. SOALAN: 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID**

TARIKH : 23 MAC 2017

RUJUKAN : 9816

SOALAN:

**Dato' Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah pekerja asing yang
tidak sah dari 31 Januari 2017 apabila kerajaan membenarkan pekerja
asing yang tidak berdokumen dibenarkan dilayakkan sebagai pekerja
asing yang disahkan.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Program *Enforcement Card* (E-Kad) merupakan suatu inisiatif yang dilancarkan oleh Kerajaan bermula pada 15 Februari 2017 bertujuan untuk memberi peluang kepada Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) tanpa dokumen perjalanan yang sah dan bekerja secara haram di Malaysia diberikan kad kebenaran bekerja sementara bagi memenuhi sektor formal yang dibenarkan. Program ini turut dirangka bagi memenuhi permintaan majikan untuk mengisi keperluan tenaga kerja di sektor pekerjaan yang dibenarkan sahaja serta membolehkan Kerajaan mengetahui jumlah PATI dalam negara bagi tujuan pemantauan dan memenuhi keperluan senario keselamatan semasa. Majikan dan PATI yang telah didaftarkan seterusnya perlu mendapatkan dokumen (Pasport) daripada pihak kedutaan yang berkenaan bagi membolehkan PATI tersebut “diputihkan” melalui program ini.

Berdasarkan rekod di Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), jumlah pekerja asing yang tidak sah dan dibenarkan bekerja menerusi program E-Kad dari 15 Februari hingga 1 Mac 2017 adalah seramai 5,151 orang.

Pecahan mengikut warganegara yang berdaftar menerusi Program E-Kad adalah seperti berikut:

(i)	Bangladesh	-	2,729 orang
(ii)	Indonesia	-	1,477 orang
(iii)	Myanmar	-	538 orang
(iv)	India	-	136 orang
(v)	Nepal	-	87 orang
(vi)	Pakistan	-	82 orang
(vii)	Philippines	-	48 orang
(viii)	Cambodia	-	20 orang
(ix)	Sri Lanka	-	17 orang
(x)	Vietnam	-	14 orang
(xi)	Thailand	-	3 orang

Selain itu, Program *Rehiring* turut dilaksanakan mulai 15 Februari 2016 di mana 3 buah syarikat telah dilantik untuk melaksanakannya iaitu PMF Konsortium Bhd., Bukti Megah Sdn. Bhd. dan Iman Resources Sdn. Bhd.. Daripada jumlah keseluruhan 263,306 orang PATI yang berdaftar melalui Program *Rehiring*, seramai 52,802 orang PATI telah melepasi tapisan dan layak dipertimbangkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS). Pecahan mengikut warganegara yang dibenarkan bekerja di bawah Program *Rehiring* adalah seperti berikut:

(i)	Bangladesh	-	31,608 orang
(ii)	Indonesia	-	11,460 orang

(iii)	India	-	2,585 orang
(iv)	Myanmar	-	1,931 orang
(v)	Pakistan	-	1,637 orang
(vi)	Nepal	-	1,204 orang
(vii)	Filipina	-	743 orang
(viii)	Vietnam	-	745 orang
(ix)	Sri Lanka	-	536 orang
(x)	Kemboja	-	281 orang
(xi)	Thailand	-	72 orang